

17/04/2003

25 ekuin terbaik dunia di GP KL

V Ashok

SEKURANG-kurangnya 25 ekuin dan kuda terbaik dunia bakal memperagakan kelibat mereka dalam kejohanan show jumping antarabangsa Grand Prix KL pada 2 hingga 5 Oktober ini.

Sekali gus Malaysia sekali lagi mencatat sejarah berjaya menjadi penganjur pertama di rantau ini yang turut membabitkan penunggang terbaik negara dalam saingan bertaraf lima bintang di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata kejayaan dapat menganjurkan kejohanan besar ini dapat mengembangkan acara sukan ini lebih meluas kepada umum disamping mempromosikan pelancongan.

"Kejohanan bertaraf dunia ini dengan penunggang dan kuda terbaik akan meletakkan Malaysia di peta ekuestrian. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan reputasi kita selaku tuan rumah kejohanan acara sukan bertaraf antarabangsa yang hebat," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Hishammuddin juga menambah bahawa kejohanan seperti ini akan turut menyuntik semangat dan dorongan kepada ekuin muda negara untuk merencanakan laluan mereka ke peringkat tertinggi.

Antara ekuin kita yang dijangka mengibar cabaran pasukan negara adalah Qabil Ambak Mahamad Fathil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung bagi Grand Prix KL manakala Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis yang juga Presiden Persatuan Ekuestrian Malaysia (EAM) adalah Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Acara show jumping ini tidak dinafikan melakar satu lagi pencapaian di negara ini selepas penganjuran Formula Satu dan Le Tour de Langkawi.

Usaha ini juga adalah antara matlamat EAM yang mahu menjadikan kejohanan ini setaraf dengan acara CSI berstatus lima bintang seperti Spruce Meadows, Kanada, Olympia & Hickstead, Perancis dan Aachen & Dortmund di Jerman.

Sambil itu, Pengarah Urusan Asiapromote Ventures Sdn Bhd, Wan Zaleha Radzi berkata pihaknya tertarik dengan acara ini bakal diadakan di Malaysia.

"Ia satu impian menjadi kenyataan melihat Grand Prix KL akan berlangsung di bumi kita. Segala persediaan termasuk kepakaran dan tenaga kerja serta soal penajaan sedang dirancang baik sejak dua tahun lalu.

Menurut Zaleha, acara ini terbahagi kepada empat siri. Dua yang pertama adalah Cabaran Penunggang Muda bagi merebut Trofi Kebangsaan yang dibuka kepada peserta Malaysia dan dari negara Asean.

Dua lagi adalah Small Tour dan Big Tour antarabangsa yang akan menyaksikan ekuin dari negara rantau ini bersaing dengan lawan terbaik dunia.

Antara penaja adalah Kementerian Belia dan Sukan, Palace Of The Golden Horses, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia dan Penerbangan Malaysia.